

KENYATAAN MEDIA

PEMIMPIN POLITIK DAN WAKIL RAKYAT PATUT JADI CONTOH TATASUSILA DAN HORMATI TITAH DI RAJA.



MAMPIR menjunjung kasih dan menyokong pendekatan DYMM Paduka Sultan Perak , Sultan Nazrin Muizzuddin Shah diatas peranan yang dimainkan oleh Baginda dalam menyelesaikan kemelut politik Negeri Perak.

Sikap tegas dan bijaksana terhadap mana-mana pihak yang tidak hormati titah Di Raja wajar diikuti oleh Para Duli Tuanku dan Sultan yang lain demi menjamin keadilan dan keamanan Negara.

Pihak MAMPIR juga mengalu-alukan tindakan Parti PAS yang sanggup mengaku kekhilafan dan mempersembah permohonan maaf pada Ke Bawah Duli Tuanku Sultan. Sayugia diingatkan bahawa permohonan maaf itu juga hendaklah dilakukan mengikut tatasusila dan adat yang berkenaan.

Hormat dan patuh pada kepimpinan yang lebih tinggi adalah sifat mulia yang menatijahkan kelancaran dan kesejahteraan dalam urustadbir Negara. Sebaliknya sikap tidak hormat dan tidak taat pada kepimpinan boleh mendorong kepada kegagalan memikul amanah serta menimbulkan kecelaruan.

MAMPIR ingin menyeru semua pemain politik mendengar dan menjunjung tinggi Titah DYMM Sultan supaya tidak ada lagi perebutan politik di dalam negeri dan negara.

Akhir kata pihak MAMPIR sekali lagi menjunjung kasih DYMM Tuanku sebagai payung mahkota negeri yang mengambil berat tentang rakyat jelata.

DAULAT TUANKU.

Sekretariat MAMPIR

14 Disember 2020 / 29 Rabiulakhir 1442H